

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Jaguh hadapi dua cabaran

BERITA HARIAN, 25 March 2004, Page 19

Jaguh hadapi dua cabaran

SILAT

oleh

Yusoff A. Rahman

TIDAK seperti dalam Sukan SEA Vietnam mahupun Kejohanan Pencak Silat Terbuka Perancis, Imran Abdul Rahman, perlu memberikan perhatian kepada dua perkara serentak dalam Kejohanan Sijori.

Kejohanan yang disertai oleh 11 pasukan akan diadakan di Pusat Kecemerlangan Silat, Bedok, mulai hari ini hingga Ahad.

Selain menjadi salah seorang pesilat dalam pasukan Singapura A, Imran juga harus memikirkan soal pelajarannya.

“Di samping memikirkan soal kejohanan ini, saya juga harus memberikan perhatian kepada ujian sekolah,” kata Imran, yang sedang menuntut dalam tahun ketiga Politeknik Nanyang dalam jurusan Sukan dan Kesihatan.

Walaupun Imran pernah muncul sebagai naib johan dalam Kejohanan

Silat Sedunia di Pulau Pinang dua tahun lalu, pencapaiannya dalam Sukan SEA Vietnam dan juga Kejohanan Pencak Silat Terbuka Perancis adalah menghampakan.

Imran tidak menafikan kegagalan ini sebanyak sedikit telah menjejaskan tahap keyakinannya.

“Saya harap kejohanan ini boleh membantu mengembalikan keyakinan saya,” kata Imran.

Bahkan, Imran bersama pesilat seperti Zahid Saaban, Kamarula Arifin Mohamed Tahir, Rashid Hanif, Rahim Anwar dan Sheik Harun Mohamed Rafik dan Saiedah Said menjadi harapan untuk memungut pingat emas.

Selain pasukan Singapura A dan B, kejohanan ini turut disertai oleh Johor, Batam, Tanjung Pinang, Kepri, Siak, Karimun, Pekan Baru, Riau dan Rokan Hulu.

Singapura telah muncul sebagai juara dalam kejohanan ini sejak dua tahun berturut-turut.